

**KESAN COVID-19 TERHADAP KEBAJIKAN PEKERJA  
BURUH ASING DI SABAH DAN TINDAKAN KESATUAN  
PEKERJA-PEKERJA INDUSTRI PERKAYUAN SABAH  
(STIEU)**

**MARIANA TORESSA ANAK MANGOI**

**BA18110367**

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**2021**



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **PENGAKUAN**

Saya mengaku bahawa Latihan Ilmiah yang bertajuk kesan COVID-19 terhadap kebijakan pekerja buruh asing di Sabah dan tindakan Kesatuan Pekerja-Pekerja Industri Perkayuan Sabah (STIEU) ini merupakan hasil usaha dan kerja keras saya sendiri, melainkan petikan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

---

MARIANA TORESSA ANAK MANGOI

Tarikh

BA18110367

i



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**PENGESAHAN PENYELIA LATIHAN ILMIAH**

**KESAN COVID-19 TERHADAP KEBAJIKAN PEKERJA BURUH ASING DI  
SABAH DAN TINDAKAN KESATUAN PEKERJA-PEKERJA INDUSTRI  
PERKAYUAN SABAH (STIEU)**  
oleh  
**MARIANA TORESSA ANAK MANGOI**  
**BA18110367**

Latihan ilmiah ini dikemukakan bagi memenuhi sebahagian daripada syarat untuk memperolehi Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial dengan kepujian dalam bidang Hubungan Industri.

---

Penyelia

Dr Mahadirin Ahmad

Pensyarah Hubungan Industri

---

Tarikh

---

Dr Kee Y. Sabariah Binti Kee Mohd Yussof

Ketua Program Hubungan Industri

---

Tarikh



## PENGHARGAAN

Salam sejahtera, syukur kepada Allah SWT kerana dengan izin dan rahmatnya saya dapat menyiapkan latihan ilmiah ini sebagai memenuhi syarat untuk mendapatkan Ijazah Sarjana Muda Hubungan Industri. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada penyelia saya yang sudah memberikan bimbingan, nasihat dan tunjuk ajar serta panduan kepada saya sepanjang proses menyiapkan latihan ilmiah ini iaitu Dr. Mahadirin Ahmad. Tidak akan saya lupakan pengorbanan dan jasa beliau yang amat bermakna. Selain itu, tidak lupa juga kepada pensyarah-pensyarah Hubungan Industri yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam membantu dan memberi semangat dalam menyiapkan penulisan ilmiah ini.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada pihak-pihak yang terlibat dalam proses penulisan ilmiah ini yang sudah banyak membantu saya menjalankan kajian dalam organisasi mereka iaitu Encik Martin Andong dan Puan Engrit Liew yang merupakan Presiden dan Setiausaha Agung Kesatuan Pekerja-Pekerja Industri Perkayuan Sabah (STIEU) kerana sudi meluangkan masa mereka dalam berkongsi pengalaman mereka berkaitan kajian latihan ilmiah saya.

Di kesempatan ini juga, saya ingin berterima kasih kepada sahabat-sahabat seperjuangan saya, Siti Rafeah binti Baharin dan Celine Vivien Chong dan rakan-rakan dari Program Hubungan Industri sesi 2020/2021 yang telah memberi sokongan moral dan kata-kata semangat. Tidak lupa juga kepada senior graduan Program Hubungan Industri sesi 2019/2020 yang telah memberi nasihat. Begitu juga kepada keluarga saya yang telah banyak memberikan dorongan secara mental kepada saya untuk menyiapkan penulisan ini. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada dorongan yang telah saya terima ini.

Akhir kata daripada saya, saya berharap semoga penyelidikan ini akan berguna dan akan dijadikan panduan untuk semua pihak di masa hadapan. Segala bantuan yang telah dihulurkan akan saya ingati senantiasa dan semoga Allah SWT akan membala dan merahmati mereka yang telah menghulur bantuan sepanjang kajian ini.

## **ABSTRAK**

Pekerja buruh asing adalah penting untuk pembangunan negara kita terutamanya dalam sektor 3D. Oleh itu, kesedaran mengenai kebijakan pekerja-pekerja buruh asing ini harus dipertingkatkan bagi mengelakkan penindasan hak golongan pekerja asing ini. Di samping itu, kesatuan sekerja memegang tanggungjawab yang penting untuk memperjuangkan hak pekerja buruh asing ini daripada ditindas oleh majikan. Kajian ilmiah ini dilakukan adalah untuk mengenal pasti isu yang timbul berkaitan dengan kebijakan pekerja buruh asing pada pasca COVID-19 di Sabah, sekaligus untuk menghuraikan tindakan dan mengkaji cabaran yang dihadapi oleh kesatuan sekerja dalam melindungi kebijakan ahli pekerja buruh asing tersebut. Hasil kajian mendapati terdapat isu penindasan kebijakan pekerja bahkan sebelum pandemik COVID-19 iaitu isu pembayaran gaji, isu pampasan, dan isu cuti. Dalam pandemik COVID-19 ini, pihak kesatuan sekerja khususnya pemimpin kesatuan sekerja telah berhadapan dengan cabaran-cabaran dalam memperjuangkan hak-hak pekerja buruh asing ini. Cabaran tersebut wujud daripada tindakan majikan, kepercayaan pekerja buruh asing, dan perubahan dasar kerajaan berikutan dengan situasi COVID-19. Kajian ini telah dijalankan dengan menggunakan kaedah kualitatif melalui temubual secara atas talian yang dijalankan bersama informan-informan daripada Kesatuan Pekerja-Pekerja Industri Perkayuan Sabah (STIEU).

**Kata Kunci:** Pekerja Buruh Asing, COVID-19, Tindakan Kesatuan, Cabaran Kesatuan.



## **ABSTRACT**

*Foreign labor workers are important for the development of our country, especially in the 3D sector. Therefore, awareness of the welfare of these foreign workers should be increased to avoid the oppression of the rights of these foreign workers. In addition, trade unions hold an important responsibility to fight for the rights of these foreign laborers from being oppressed by employers. This scientific study was conducted to identify issues that arise related to the welfare of foreign workers in the post-COVID-19 in Sabah as well as to describe the actions and study the challenges faced by trade unions in protecting the welfare of foreign workers. The results of the study found that there were issues of oppression of employee welfare even before the COVID-19 pandemic, namely the issue of salary payment, the issue of compensation, and the issue of leave. In this COVID-19 pandemic, trade unions, especially trade union leaders, have faced challenges in fighting for the rights of foreign workers. Such challenges arise from the actions of employers, the trust of foreign labor workers, and changes in government policy following the COVID-19 situation. This study was conducted using qualitative methods through online interviews conducted with informants from the Sabah Timber Industry Workers Union (STIEU).*

**Keywords:** Foreign Labor Workers, COVID-19, Union Action, Union Challenges.



## ISI KANDUNGAN

| <b>KANDUNGAN</b>                          | <b>HALAMAN</b> |
|---|----------------|
| <b>PENGAKUAN PELAJAR</b>                  | i              |
| <b>PENGESAHAN PENYELIA LATIHAN ILMIAH</b> | ii             |
| <b>PENGHARGAAN</b>                        | iii            |
| <b>ABSTRAK</b>                            | iv             |
| <b>ABSTRACT</b>                           | v              |
| <b>ISI KANDUNGAN</b>                      | vi-x           |
| <b>SENARAI JADUAL</b>                     | xi             |
| <b>SENARAI RAJAH</b>                      | xii            |
| <b>SENARAI SINGKATAN</b>                  | xiii           |
| <b>SENARAI LAMPIRAN</b>                   | xiv            |
| <br><b>BAB SATU: PENDAHULUAN</b>          |                |
| 1.0 Pengenalan                            | 15-16          |
| 1.1 Latar Belakang Kajian                 | 16-17          |
| 1.2 Permasalahan Kajian                   | 17-18          |
| 1.3 Persoalan Kajian                      | 18             |
| 1.4 Objektif Kajian                       | 18             |
| 1.5 Kepentingan Kajian                    | 19-20          |
| 1.6 Skop Kajian                           | 20             |
| 1.7 Definisi Operasional                  | 20-22          |
| 1.7.1 Pekerja Buruh Asing                 |                |
| 1.7.2 COVID-19                            |                |
| 1.7.3 Kebajikan Pekerja                   |                |
| 1.7.4 Kesatuan Sekerja                    |                |
| 1.7.5 Majikan                             |                |
| 1.8 Susunan Tesis                         | 22-24          |
| 1.9 Rumusan Bab                           | 24-15          |



## **BAB DUA: SOROTAN LITERATUR**

|   |       |
|---|-------|
| 2.0 Pengenalan                                      | 26    |
| 2.1 Konsep  | 27-29 |
| 2.1.1 Definisi Buruh                                |       |
| 2.1.2 Jenis Buruh                                   |       |
| 2.1.3 Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 |       |
| 2.1.4 Definisi terhadap Aspek Kebajikan Pekerja     |       |
| 2.2 Dasar dan Peraturan Pengambilan Pekerja Asing   | 29-30 |
| 2.2.1 Keutamaan Kepada Pekerja Tempatan             |       |
| 2.2.2 Tempoh Bekerja                                |       |
| 2.2.3 Pemeriksaan Kesihatan                         |       |
| 2.2.4 Had Umur                                      |       |
| 2.2.5 Gaji Asas                                     |       |
| 2.3 Teori Kajian                                    | 31-32 |
| 2.3.1 Teori Tolak-Tarik                             |       |
| 2.3.2 Teori <i>New Economic of Labor Migration</i>  |       |
| 2.4 Kajian Lepas                                    | 32-38 |
| 2.5 Analisis Kerangka Konseptual                    | 38-39 |
| 2.6 Rumusan Bab                                     | 39    |

## **BAB TIGA: METODOLOGI KAJIAN**

|                               |       |
|-------------------------------|-------|
| 3.0 Pengenalan                | 40    |
| 3.1 Reka Bentuk Kajian        | 40-41 |
| 3.2 Kaedah Kajian Kualitatif  | 41-42 |
| 3.3 Teknik Persampelan        | 42    |
| 3.3.1 Lokasi Kajian           |       |
| 3.4 Prosedur Pengumpulan Data | 43-44 |



|  |              |
|--|--------------|
| 3.4.1 Persampelan Bertujuan            |              |
| 3.4.2 Populasi dan Persampelan         |              |
| <b>3.5 Prosedur Pengumpulan Data</b>   | <b>44-45</b> |
| 3.5.1 Temubual                         |              |
| <b>3.6 Kaedah Pengumpulan Data</b>     | <b>45-47</b> |
| 3.6.1 Pengumpulan Data Primer          |              |
| a) Temu Bual Tidak bersemuka           |              |
| b) Temu bual Berstruktur               |              |
| 3.6.2 Pengumpulan Data Sekunder        |              |
| <b>3.7 Teknik Analisis Data Kajian</b> | <b>47-52</b> |
| 3.7.1 Analisis Tematik                 |              |
| 3.7.2 Analisis Data Temu Bual          |              |
| 3.7.3 Pengkodan                        |              |
| 3.7.4 Tema dan Kod                     |              |
| <b>3.8 Rumusan Bab</b>                 | <b>52</b>    |

#### **BAB EMPAT: DAPATAN KAJIAN**

|   |              |
|---|--------------|
| 4.0 Pengenalan  | 53           |
| <b>4.1 Latar Belakang Tempat Kajian</b>                         | <b>54-55</b> |
| 4.1.1 Kesatuan Pekerja-Pekerja Industri Perkayuan Sabah (STIEU) |              |
| <b>4.2 Latar Belakang Informan</b>                              | <b>56</b>    |
| <b>4.3 Demografi Informan Kajian</b>                            | <b>56-59</b> |
| 4.3.1 Gender Informan   |              |
| 4.3.2 Umur Informan   |              |
| 4.3.3 Jawatan Dalam Kesatuan                                    |              |
| 4.3.4 Tempoh Perkhidmatan                                       |              |
| 4.3.5 Jumlah Keahlian Dalam Kesatuan                            |              |



|  |       |
|--|-------|
| 4.4 Objektif Kajian 1: Isu Penindasan Kebajikan Pekerja Buruh Asing  | 59-70 |
| 4.4.1 Pembayaran Gaji  |       |
| 4.4.2 Jawatan Pekerja  |       |
| 4.4.3 Pembuangan Kerja   |       |
| 4.4.4 Tempoh Kontrak Bekerja   |       |
| 4.4.5 Faedah dan Pampasan Pekerja  |       |
| 4.4.6 Lain-lain  |       |
| 4.5 Objektif Kajian 2: Tindakan yang diambil oleh Kesatuan Pekerja-pekerja Industri Perkayuan Sabah (STIEU) untuk Melindungi Kebajikan Pekerja Buruh Asing | 70-80 |
| 4.5.1 Majikan  |       |
| 4.5.2 Pihak Kerajaan   |       |
| 4.5.3 Kesatuan Sekerja   |       |
| 4.6 Objektif Kajian 3: Cabaran Kesatuan Pekerja-pekerja Industri Perkayuan Sabah (STIEU) untuk Melindungi Kebajikan Pekerja Buruh Asing                    | 80-85 |
| 4.6.1 Majikan  |       |
| 4.6.2 Pekerja Buruh Asing  |       |
| 4.6.3 Pihak Kerajaan   |       |
| 4.7 Rumusan Bab  | 85    |
| <b>BAB LIMA: ANALISIS DAN PERBINCANGAN</b>   |       |
| 5.0 Pengenalan   | 86    |
| 5.1 Perbincangan Objektif Kajian   | 86-93 |



|   |         |
|---|---------|
| 5.1.1 Objektif Pertama  |         |
| 5.2.2 Objektif Kedua  |         |
| 5.2.3 Objektif Ketiga   |         |
| 5.2 Rumusan Menyeluruh Kajian   | 93-95   |
| 5.3 Rumusan Bab   | 96      |
| <b>BAB ENAM: RUMUSAN DAN CADANGAN</b>   |         |
| 6.0 Pengenalan  | 97      |
| 6.1 Ringkasan Keseluruhan Bab   | 97-98   |
| 6.2 Implikasi Kajian  | 98-100  |
| 6.2.1 Implikasi Secara Teori  |         |
| 6.2.2 Implikasi Secara Pratikal   |         |
| a) Kesatuan Pekerja-pekerja Industri Perkayuan Sabah (STIEU)                    |         |
| b) Pekerja Buruh Asing  |         |
| c) Pihak Majikan  |         |
| 6.3 Limitasi Kajian   | 100     |
| 6.4 Cadangan untuk Kajian akan Datang   | 101-102 |
| 6.4.1 Cadangan Kepada Kesatuan Pekerja-pekerja Industri Perkayuan Sabah (STIEU) |         |
| 6.4.2 Cadangan Kepada Pengkaji akan Datang                                      |         |
| 6.5 Rumusan Bab   | 102     |
| <b>RUJUKAN</b>  | 103-105 |
| <b>LAMPIRAN</b>   | 106-150 |



## **SENARAI JADUAL**

| <b>Jadual</b> |                                       | <b>Halaman</b> |
|---------------|---------------------------------------|----------------|
| Jadual 4.1    | Majlis Tertinggi Kesatuan Sekerja     | 56             |
| Jadual 4.2    | Informan Mengikut Gender              | 57             |
| Jadual 4.3    | Lingkungan Umur Informan              | 57             |
| Jadual 4.4    | Jawatan Informan                      | 58             |
| Jadual 4.5    | Informan Mengikut Tempoh Perkhidmatan | 58             |
| Jadual 4.6    | Jumlah Keahlian Kesatuan              | 59             |



## **SENARAI RAJAH**

| <b>Rajah</b> |   | <b>Halaman</b> |
|--------------|---|----------------|
| Rajah 2.5    | Analisis Kerangka Konseptual  | 39             |
| Rajah 3.1    | Objektif Pertama: Mengenal Pasti Isu yang Timbul Berkaitan dengan Kebajikan Pekerja Buruh Asing pada COVID-19.  | 49             |
| Rajah 3.2    | Objektif Kedua: Menghuraikan Tindakan yang Diambil oleh Kesatuan Pekerja-Pekerja Industri Perkayuan Sabah (STIEU) untuk Kebajikan Pekerja Buruh Asing Di Sabah                      | 50             |
| Rajah 3.3    | Objektif Ketiga: Mengkaji Cabaran yang Dihadapi oleh Kesatuan Sekerja dalam Melindungi Kebajikan Ahli Pekerja Buruh Asing Kesatuan Pekerja-Pekerja Industri Perkayuan Sabah (STIEU) | 51             |



## **SENARAI SINGKATAN**

|       |   |
|-------|---|
| KS    | Kesatuan Sekerja                                    |
| JPP   | Jabatan Perhubungan Perusahaan                      |
| ILO   | <i>International Labour Ordinance</i>               |
| MTC   | <i>Malayan Trade Council</i>                        |
| MTUC  | <i>Malaysian Trade Union Council</i>                |
| STIEU | <i>Sabah Timber Employees' Union</i>                |
| JTK   | Jabatan Tenaga Kerja                                |
| JPP   | Jabatan Perhubungan Perusahaan                      |
| SOP   | Garis Panduan dan Operasi Standard                  |
| WHO   | <i>World Health Organization</i>                    |
| MITI  | <i>Ministry of International Trade and Industry</i> |
| BWI   | <i>Building and Wood Workers International</i>      |
| PATI  | Pendatang Asing Tanpa Izin                          |
| PKP   | Perintah Kawalan Pergerakan                         |
| MKN   | Majlis Keselamatan Negara                           |
| STIA  | <i>Sabah Timber Association</i>                     |
| 3D    | <i>Dangerous, Dirty and Difficult</i>               |



## **SENARAI LAMPIRAN**

| <b>LAMPIRAN</b>                          | <b>HALAMAN</b> |
|--|----------------|
| Lampiran 1: Soalan Temu Bual             | 106-141        |
| Lampiran 2: Keputusan Peratusan Turnitin | 142-150        |



## **BAB SATU**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.0 Pengenalan**

Kajian ini membincangkan mengenai penindasan kebajikan pekerja buruh asing sama ada sebelum, semasa, dan selepas penularan wabak COVID-19. Bab ini bertujuan untuk mengenal pasti proses perundingan kolektif yang dijalankan oleh sesebuah organisasi. Selain itu, kajian ini juga dilakukan untuk mengkaji cabaran yang dihadapi oleh pemimpin Kesatuan Sekerja dalam memperjuangkan hak pekerja buruh asing dalam menuntut hak pekerja buruh asing tersebut.

Pekerja buruh asing telah menjadi suatu keperluan dalam struktur ekonomi negara. Kerajaan atau negara yang ingin mengembangkan ekonominya akan menyedari nilai imigran, terutama pekerja buruh asing, dalam struktur ekonomi negara. Kehadiran pekerja asing dipercayai sangat penting untuk pertumbuhan ekonomi negeri kerana penduduk tempatan atau pekerja tempatan teragak-agak untuk terlibat dalam sektor ekonomi yang sukar ini. Akibatnya, Kerajaan Negeri Sabah terpaksa menggaji sejumlah besar pekerja buruh asing, terutama dari negara-negara berdekatan seperti Filipina dan Indonesia untuk bekerja di kawasan ekonomi, terutama pembinaan dan perladangan. Walaupun begitu, sebilangan syarikat menganggap pekerja buruh asing ini diberikan untuk memaksimumkan keuntungan dengan memanipulasi tenaga kerja asing ini.

Tambahan pula, ketika wabak COVID-19 meletus, ia tidak hanya mendatangkan malapetaka pada kesihatan awam tetapi juga pada ekonomi dan pasaran buruh secara keseluruhan. Ini telah meningkatkan beban dan cabaran bagi golongan pekerja, perniagaan, dan kerajaan. Tambahan pula, pengenalan langkah penahanan sosial dan perintah pembatasan mobiliti membahayakan sebahagian besar pekerjaan, terutama yang bergantung pada hubungan fizikal dengan pelanggan. Akibatnya, kebanyakan pekerja buruh asing ini menanggung ketidakadilan dan penganiayaan di tangan majikan untuk membatasi kadar kerugian semasa wabak COVID-19 berlangsung. Oleh itu, kesatuan sekerja



memainkan peranan penting dalam melindungi hak dan kebajikan pekerja buruh asing ini daripada penganiayaan.

Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan teknik penyelidikan kualitatif dengan menjalankan temubual bersama informan berdasarkan soalan yang dipilih berdasarkan objektif kajian yang dikaji oleh pengkaji.

### **1.1 Latar Belakang kajian**

Kajian dibuat ke atas Kesatuan Pekerja-pekerja Industri Perkayuan Sabah atau juga dikenali sebagai *Sabah Timber Employees' Union* (STIEU). Kajian ini tertumpu kepada kebajikan pekerja buruh asing di bawah Kesatuan Pekerja-pekerja Industri Perkayuan Sabah.

Hal ini demikian adalah untuk mengkaji mengenai pekerja buruh asing di Sabah, Malaysia. Malaysia adalah negara Asia Tenggara yang menerima dan memberi sumbangan kepada tenaga kerja asing (Hugo, 2004). Kerajaan Negeri Sabah tidak terkecuali untuk mengambil sejumlah besar pekerja buruh asing, terutama dari negara-negara jiran seperti Filipina dan Indonesia untuk bekerja di bidang ekonomi, terutamanya sektor pembinaan, perkayuan dan perladangan.

Penularan pandemik COVID-19 ini juga telah membawa perubahan kepada norma kerja yang baharu dalam mengadaptasi kepada situasi pekerjaan kini. Berikutan daripada itu, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah menentukan amalan terbaik berdasarkan data yang dikumpulkan mengenai perkembangan semasa dan atas nasihat Kementerian Kesihatan, sehingga pemerintah memutuskan untuk membuka kembali sektor ekonomi dan sektor awam secara berhati-hati dengan menegakkan norma kerja baru dan memperketatkan SOP kesihatan bermula pada 4 Mei 2020.

Pelbagai prosedur dan inisiatif telah diumumkan untuk mengurangkan kesan pasaran kerja dari masalah COVID-19. Namun begitu, tidak dapat dipertikaikan bahawa syarikat menghadapi kesukaran dalam mengekalkan pekerja, ini termasuklah pekerja buruh asing. Keadaan ini menyebabkan pekerja asing mengalami cabaran untuk kekal di Malaysia sehingga menjelaskan kesihatan dan keselamatan negara terutamanya pada pasca COVID-19 ini. Oleh itu, kajian mengikut perspektif Kesatuan Pekerja-pekerja Industri Perkayuan Sabah (STIEU)

adalah penting untuk memastikan situasi yang dihadapi oleh pekerja sepanjang COVID-19 ini betul ataupun tidak di sisi undang-undang pekerjaan.

## **1.2 Permasalahan Kajian**

Pertumbuhan fizikal negara yang pesat dan pantas menyebabkan keperluan yang tinggi untuk tenaga kerja asing yang murah dan segera. Konsep '*demand and supply*' memastikan bahawa industri ini akan terus berkembang secara berkala. Malahan, keuntungan lebih juga dikait daipada tindakan mengeksplotasi pekerja buruh asing ini. Lambakan syarikat pembinaan, terutama yang dikendalikan oleh negara luar, adalah salah satu elemen yang mendorong kemasukan pekerja buruh asing ini.

Berikut dengan kenaikan kadar tenaga kerja buruh asing, para majikan telah dituntut untuk memenuhi tuntutan organisasi yang mempengaruhi kepuasan kerja (Adey & Bahari, 2010). Kepuasan kerja adalah elemen penting dalam syarikat untuk memastikan pekerja setia dan berminat untuk kekal dengan syarikat tersebut (Aziz et al., 2015). Kepuasan kerja adalah sejauh mana pekerja berminat dengan pekerjaan mereka. Sebilangan individu memuja pekerjaan mereka dan menjadikannya keutamaan dalam hidup mereka. Namun begitu, terdapat juga individu yang tidak senang dengan pekerjaan mereka tetapi terpaksa untuk melakukannya (Daud, 2010).

Pada masa kini, kemasukan pekerja asing telah menjadi perhatian utama, terutamanya dalam sektor pembinaan (Saidin, 2009). Perkara ini dapat dibuktikan dalam kes di mana majikan mengutamakan pengambilan pekerja buruh asing daripada pekerja tempatan, menyebabkan masyarakat Malaysia amat prihatin dengan keadaan itu. Malahan, kehadiran mereka di Malaysia bukan dalam jumlah ratusan tetapi berjuta-juta. Kesannya, kerajaan harus menyelesaikan masalah pendatang asing secara menyeluruh. Ini disebabkan oleh kenyataan bahawa kedatangan pekerja asing akan memberi kesan kepada masyarakat Malaysia, baik secara positif maupun negatif.

Pandemik COVID-19 ini tidak hanya mempengaruhi kesihatan awam, tetapi juga ekonomi dan pasaran buruh secara keseluruhan. Ini telah meningkatkan beban dan cabaran bagi golongan pekerja, majikan dan kerajaan (Junaidi & Mohd Amirul, 2020). Dari segi kesihatan, pekerja buruh asing ini

mempunyai akses terhad ke rawatan perubatan dan mungkin menghadapi masalah kewangan. Hal ini demikian kerana majikan dalam sektor 3D, yang kebanyakannya mempekerjakan sebilangan besar pekerja asing yang tidak sah, tidak mahu menanggung kerugian dalam ujian saringan COVID-19 (Fahmy, 2020). Perkara ini menyebabkan penularan wabak COVID-19 sukar dibendung apabila pekerja buruh asing ini terutamanya pekerja asing yang haram tidak melakukan ujian saringan.

Oleh sebab itu, pengkaji ingin mengkaji tentang isu-isu penindasan kebijakan yang berlaku pada pekerja buruh asing di Sabah, kesan pandemik COVID-19 terhadapi pekerja buruh asing dan tindakan serta cabaran kesatuan sekerja terhadap isu tersebut.

### **1.3 Persoalan Kajian**

Dalam kajian ini, terdapat tiga persoalan yang timbul bagi menjawab kepada kajian yang dijalankan iaitu:

- i. Bagaimanakah COVID-19 memberi kesan terhadap kebijakan pekerja buruh asing?
- ii. Apakah tindakan yang diambil oleh Kesatuan Pekerja-pekerja Industri Perkayuan Sabah (STIEU) untuk melindungi kebijakan pekerja buruh asing?
- iii. Apakah cabaran yang dihadapi oleh Kesatuan Pekerja-pekerja Industri Perkayuan Sabah (STIEU) dalam mempertahankan kebijakan buruh pekerja?

### **1.4 Objektif Kajian**

Dalam kajian ini, terdapat tiga objektif yang telah disasarkan dan perlu dicapai bagi menjawab persoalan yang timbul dalam kajian ini iaitu:

- i. Mengenal pasti isu yang timbul berkaitan dengan kebijakan pekerja buruh asing pada pasca COVID-19.
- ii. Menghuraikan tindakan yang diambil oleh Kesatuan Pekerja-pekerja Industri Perkayuan Sabah (STIEU) untuk kebijakan pekerja buruh asing di Sabah.

- iii. Mengkaji cabaran yang dihadapi oleh kesatuan sekerja dalam melindungi kebajikan ahli pekerja buruh asing Kesatuan Pekerja-pekerja Industri Perkayuan Sabah (STIEU).

### **1.5 Kepentingan Kajian**

Kewujudan Kesatuan Sekerja Kebangsaan ini sebenarnya dapat melindungi hak-hak ahlinya secara meluas asalkan pekerjaan tersebut berada dalam kategori sektor yang sama. Hal ini demikian, melalui kesatuan sekerja para ahli, terutamanya pekerja buruh asing, dapat menuntut hak mereka terhadap majikan sekaligus dapat mempertahankan perkhidmatan pekerja buruh asing daripada ditindas. Kesatuan sekerja membuka ruang kepada perlindungan hak pekerja malah juga turut membawa kepada penambahbaikan kebajikan pekerja.

Kajian ini dilaksanakan adalah untuk mengenalpasti isu-isu penindasan kebajikan pekerja buruh asing yang jarang disuarakan. Melihat bagaimana keadaan kebajikan pekerja ini diperlakukan oleh pihak majikan dan kesan berikutan daripada tindakan itu. Disamping itu, mengubah perspektif negatif masyarakat terhadap pekerja buruh asing daripada dianggap sebagai penutup kepada peluang pekerjaan pekerja tempatan.

Kajian ini juga untuk mengkaji tindakan Kesatuan Pekerja-pekerja Industri Perkayuan Sabah (STIEU) bagi memastikan hak dan kebajikan ahli-ahli pekerja buruh asing ini tidak ditindas. Lantas meningkatkan pendedahan orang ramai, terutamanya pekerja sektor perkayuan di Sabah mengenai kewujudan kesatuan kebangsaan ini. Kajian yang dijalankan adalah penting untuk memastikan para ahli Kesatuan Sekerja mendapat perlindungan terhadap hak mereka.

Kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti isu yang berlaku dalam kalangan pekerja buruh asing di Malaysia. Kajian pengaruhan COVID-19 terhadap pekerja buruh asing juga akan dikaji bagi mengesan nasib pekerja tersebut. Apabila mengetahui isu-isu yang berlaku, kajian ini akan menjelaskan kepentingan kebajikan pekerja buruh asing dalam sektor pekerjaan. Hal ini demikian kerana kebajikan pekerja buruh asing memberi kesan terhadap negara kita.

Sehubungan dengan itu, melalui kajian ini juga, pengkaji mendapat ilmu pengetahuan sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam kajian ilmiah ini. Pengkaji juga dapat perkongsian pengalaman daripada pihak pemimpin

Kesatuan Sekerja dalam proses tindakan yang telah mereka laksanakan. Melalui kajian ilmiah ini juga, banyak maklumat tambahan mengenai pekerja buruh asing dalam sektor perkayuan.

Kepentingan kajian ilmiah ini juga adalah diharapkan agar hasil kajian ilmiah ini dapat membantu pihak yang tertentu untuk mengelakkan penindasan kebijakan pekerja dalam sesebuah organisasi. Melalui kajian ini juga pengkaji berharap agar para pemimpin kesatuan sekerja dapat menegakkan keadilan terhadap kebijakan pekerja termasuklah pekerja buruh asing agar tidak mudah jatuh oleh cabaran-cabaran yang bakal mendarat.

### **1.6 Skop Kajian**

Skop kajian ini menjerumus kepada pekerja buruh asing melalui pengaruhnya dalam sektor pekerjaan, isu-isu dan faktor-faktor yang kedatangan pekerja buruh asing ke Malaysia. Skop kajian memfokuskan kepada pekerja buruh asing sebagai sasaran kajian untuk mengkaji penjagaan kebijakan pekerja tersebut berikutan dengan penularan wabak COVID-19. Skop kajian juga tertumpu kepada faktor-faktor kedatangan buruh asing dan kesannya terhadap negara. Selain itu, kajian ini juga mengkaji mengenai kebijakan pekerja buruh asing di Malaysia pasca COVID-19 dan tindakan kerajaan terhadapnya.

Kajian dibuat ke atas *Sabah Timber Employees' Union* (STIEU) dan kajian ini tertumpu kepada isu penindasan kebijakan pekerja buruh asing pada pandemik COVID-19 ini. Jawatankuasa tertinggi kesatuan sekerja STIEU mempunyai pengetahuan dan pengalaman selama terlibat dalam proses perundingan kolektif dengan majikan mengenai pekerja, termasuklah pekerja buruh asing. Hal ini membolehkan pengkaji untuk mendapatkan data dan menjawab objektif kajian yang telah disasarkan oleh pengkaji.

### **1.7 Definisi Operasional**

Definisi istilah ini adalah bagi memberikan istilah-istilah yang penting dalam penyelidikan ini. Istilah ini perlu dijelaskan secara terperinci dan ringkas agar pembaca dapat memahami definisi tersebut serta untuk mengelakkan kekeliruan dan kesalahpahaman. Dalam bahagian ini, definisi yang lebih umum akan diberikan oleh pengkaji bagi mendapatkan definisi yang lebih khusus dalam kajian ini.

### **1.7.1 Pekerja Buruh Asing**

Pekerja bermaksud seseorang yang diupah oleh majikan di bawah kontrak perkhidmatan atau perantisan. Kontrak perkhidmatan atau perantisan boleh ditulis atau lisan, dinyatakan atau tersirat. Pekerja, menurut Kamus Pelajar Edisi Kedua, adalah orang yang bekerja untuk memperoleh pendapatan. Perkataan asing atau penghijrahan merujuk kepada pergerakan sekelompok orang dari satu negara ke satu negara yang lain untuk memperbaiki keadaan hidup dan ekonomi mereka. Secara amnya, pekerja asing adalah orang yang bekerja di negara lain.

Pekerja asing, yang sering dikenali sebagai pekerja tetamu, adalah seseorang yang bekerja di negara di mana dia bukan warganegara. Sebilangan pekerja asing menggunakan program pekerja tetamu untuk bekerja di negara yang mempunyai prospek pekerjaan yang lebih baik daripada negara mereka sendiri. Pekerja tetamu sering dihantar atau diminta untuk bekerja di luar negara asal mereka, atau telah memperoleh pekerjaan sebelum pergi, manakala pekerja asing sering meninggalkan negara asal tanpa pekerjaan yang ditentukan.

### **1.7.2 COVID-19**

Wabak Coronavirus 2019 (COVID-19) adalah penyakit berjangkit yang disebabkan oleh sindrom pernafasan akut coronavirus 2 yang teruk (SARS-CoV-2). Wabak ini pertama kali dikenal pasti pada bulan Disember 2019 di Wuhan, Hubei, China, dan telah mengakibatkan penularan wabak secara besar-besaran. Penularan wabak COVID-19 yang merebak di seluruh dunia termasuk Malaysia, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah mengisytiharkan wabak COVID-19 sebagai pandemik pada 11 Mac 2020.

### **1.7.3 Kebajikan Pekerja**

Kebajikan pekerja merujuk kepada semua jenis faedah sosial dan perkhidmatan yang diberikan oleh majikan sebagai tambahan kepada gaji pokok pekerja. Kebajikan pekerja juga boleh digambarkan sebagai faedah dan perkhidmatan yang diberikan oleh majikan kepada pekerja sebagai tambahan kepada gaji pokok mereka. Kebajikan ini juga merangkumi jenis faedah pekerjaan yang diberikan oleh kesatuan pekerja dan organisasi buruh. Faedah pekerjaan yang akan diterima

oleh pekerja ditentukan oleh jenis pekerjaan yang dilakukan, lokasi pekerjaan, komitmen majikan untuk memberikan pelbagai perkhidmatan dan faedah sosial kepada pekerja, pekerja mobilisasi dari dalam atau luar negara, dan pertumbuhan ekonomi negara.

#### **1.7.4 Kesatuan Sekerja**

Kesatuan Sekerja merupakan satu pertubuhan atau gabungan oleh sekumpulan pekerja bagi memudahkan kumpulan pekerja ini untuk membuat tuntutan sekaligus menjalankan perundingan terhadap terma dan syarat perkhidmatan dalam sesebuah organisasi. Kesatuan yang ditubuhkan ini mestilah telah sah dan mendapat pengiktirafan daripada majikan.

#### **1.7.5 Majikan**

Majikan adalah syarikat, organisasi, entiti kerajaan, agensi, syarikat, firma perkhidmatan profesional, persatuan bukan untung, perniagaan kecil, kedai, atau individu yang menggaji atau menempatkan pekerja untuk bekerja. Sebagai pertukaran untuk pekerjaan atau perkhidmatan pekerja, majikan memberikan pampasan yang mungkin termasuk upah, pendapatan setiap jam, dan faedah melebihi gaji minimum yang ditetapkan di Malaysia.

### **1.8 Susunan Tesis**

Dalam bab satu, perbincangan mengenai tajuk penyelidikan telah dibuat iaitu berkaitan dengan tajuk pengkaji iaitu kesan COVID-19 terhadap kebijakan pekerja buruh asing melalui kajian kes yang dipilih iaitu Kesatuan Pekerja-pekerja Industri Perkayuan Sabah (STIEU). Permasalahan kajian telah dilihat oleh pengkaji secara teoritikal dan praktikal sehingga mewujudkan persoalan yang perlu dijawab dalam kajian ini. Melalui persoalan tersebut, wujudnya objektif untuk menjawab kepada persoalan yang timbul iaitu mengenalpasti hak pekerja buruh asing di Sabah, menghuraikan isu yang timbul berkaitan dengan kebijakan pekerja buruh asing semasa COVID-19 dan mengkaji tindakan yang diambil untuk kebijakan pekerja buruh asing di Sabah pasca COVID-19. Kepentingan dan skop kajian juga turut dibincangkan dalam bab ini kerana bahagian ini adalah penting untuk memperlihatkan keterbatasan dalam pelaksanaan kajian ini.

Seterusnya, dalam bab dua pula membincangkan tentang hasil kajian para sarjana dan para ahli akademik terdahulu yang berkaitan dengan tajuk kajian pengkaji bagi membantu pengkaji dalam menyelesaikan proses perbincangan mengenai sorotan literatur. Dalam bab ini juga, pengkaji telah mengasingkan beberapa sub-topik agar memudahkan proses perbincangan dalam bahagian ini.

Selain itu, dalam bab tiga pula membincangkan mengenai kaedah kajian atau metodologi kajian yang digunakan oleh pengkaji sepanjang penyelidikan ini dilaksanakan. Kaedah yang digunakan oleh pengkaji adalah pengkaji menggunakan kaedah kualitatif untuk mendapatkan data. Dalam bab ini juga, pengkaji telah memilih pendekatan yang sesuai digunakan yang berkaitan dengan kajian pengkaji. Dalam bahagian ini, pemilihan kaedah kajian yang sesuai adalah penting dalam proses menganalisis dapatan kajian agar memudahkan pengkaji untuk menjawab objektif dalam kajian ini.

Dalam bab empat membincangkan mengenai hasil dapatan pengkaji terhadap analisis latar belakang informan dan latar belakang lokasi kajian yang telah ditemubual. Hal ini memudahkan pengkaji untuk melihat perbandingan latar belakang informan dan lokasi kajian berdasarkan kajian Kesatuan Pekerja-pekerja Industri Perkayuan Sabah (STIEU).

Di samping itu, bab lima dalam kajian ini membincangkan mengenai hasil dapatan kajian objektif pertama pengkaji yang diperoleh dan menganalisis data tersebut melalui temu bual seterusnya menjelaskan secara keseluruhan hasil dapatan kajian pengkaji sekaligus melihat sama ada dapatan kajian objektif pertama pengkaji bersesuaian dengan kajian-kajian lepas terdahulu.

Sehubungan dengan itu, dalam bab enam membincangkan mengenai hasil dapatan kajian objektif kedua pengkaji yang diperoleh dan menganalisis data melalui kaedah temu bual dan melihat sama ada hasil analisis kajian tersebut dapat menyokong kepada kajian lepas seperti yang telah dilihat dalam kajian-kajian lepas terdahulu.

Bab tujuh merupakan bab yang terakhir dalam kajian ini yang akan membincangkan secara keseluruhan rumusan hasil kajian bagi objektif pertama dan objektif kedua dalam kajian ini sama ada dapat menjawab kepada objektif kajian pengkaji tersebut ataupun tidak. Dalam bab ini juga akan melihat kepada apa-apa bentuk penemuan maklumat baru akan dibincangkan dan melihat kepada dapatan kajian pengkaji dan dapatan hasil kajian-kajian lepas sebelum ini.

## **RUJUKAN**

- Adey, N. H., & Bahari, F. H. (2010). *Hubungan Antara Kecerdasan Emosi, Kepuasan Kerja Dan Komitmen Terhadap Organisasi*. Jurnal Kemanusiaan.
- Azizah Kassim (2012). Dasar Pekerja Asing di Malaysia, Bangi: Penerbit UKM.
- Azrul bin Mohamad. (2017). Tahap Kepuasan Pekerja Buruh Asing di Tapak Bina. Penerbitan: Universiti Teknologi Malaysia.
- Bryman, A dan Bell, E. (2003). Business Research Methods. New York: Oxford University Press.
- Bryman, A. (2012). Social Research Methods. United States, New York: Oxford University Press.
- Che Hashim Hassan (2009). *Buruh Asing Di Malaysia: Trend, Kaedah, Kesan, Masalah Dan Cara Mengatasinya.*, 14, 119-132.
- Daud, N. (2010). *Jaminan Kerja dan Hubungannya dengan Kepuasan Kerja dan Komitmen Terhadap Organisasi*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Dr Mohd Mizan Aslam. (2020). 'Norma Baharu Pengurusan Pekerja Asing Pasca COVID-19', Astro Awani, 14 Mei 2020, daripada <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/norma-baharu-pengurusan-pekerja-asing-pasca-covid-19-242905>.
- Fahmy A Rosli. (2020). 'COVID-19: Masalah Kewangan, Ramai Pekerja Haram Punca Tak Ambil Ujian Saringan', Berita Harian, 5 Julai 2020, daripada <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/07/707567/covid-19-masalah-kewangan-ramai-pekerja-haram-punca-tak-ambil-ujian>.
- Fuad Mohamed Berawi. 2017. Metodologi Penyelidikan: Panduan Menulis Tesis. Kedah: UUM Press, Universiti Utara Malaysia.
- Hui DS, I Azhar E, Madani TA, Ntoumi F, Kock R, Dar O, et al. (February 2020). "The continuing Covid 2019 epidemic threat of novel coronaviruses to global health—The latest 2019 novel coronavirus outbreak in Wuhan, China". International Journal of Infectious Diseases. 91: 264–266.
- Intan Suria Hamzah & Sity Daud. (2016). Implikasi Kemasukan Pekerja Asing Di Malaysia: Suatu Tinjauan Awal. Sains Insani 2016, Vol. 01: 69-77.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2014). *Laporan penyiasatan tenaga buruh Malaysia 2013*.
- John W. Creswell. (2017). *Qualitative Inquiry and Research Design*. Sage Publishing.



- Junaidi Mansor & Mohd Amirul Rafiq Abu Rahim. (2020). Cabaran dan Strategi Pasca-Pandemik Untuk Belia. Kuala Lumpur: Khazanah Research Institute. License: Creative Commons Attribution CC BY 3.0.
- Kamus. (Ed.) definisi Insentif: (Edisi Empat ed.). Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Kamus. (Ed.) ((2009-2014) ed.). Macmillan publisher limited.
- Kedutaan Indonesia. (2017, Februari 22). Personal Interview.
- Kementerian Dalam Negeri (2016). *Jumlah Pekerja Asing Di Malaysia Mengikut Sektor. Malaysia*.
- Maizatul Azian Marjuki. (2018). Eksplorasi Pekerja Asing, Halangan dan Cabaran di Sektor Pembinaan. Penerbit: UNIMAS.
- Maizatul Azian Marjuki. (2018). Persepsi Masyarakat Tempatan Terhadap Isu Kemasukan Pekerja Asing: Satu Kajian dalam Industri Pembinaan di Kuching, Sarawak. Penerbit: UNIMAS.
- Mariam Mat. (1993). *Peranan MTUC dalam Sejarah Perkembangan Kesatuan Sekerja di Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohammad Aziz, Samsiah M. J., Syed Sofian S. S., Muhammad Bazlan M., & Jaya N. T., S. (2015). *Pembinaan, Kesahan Dan Kebolehpercayaan Inventori Kepuasan Kerja Herzberg* (Ikkh).
- Narayanan, S., & Lai, Y.W. (2007). *Strategies to reduce the dependence of the Malaysian economy on immigrant labour*. Report for the National Economic Action Council (MTEN), Government of Malaysia, Kuala Lumpur.
- Nurina Awanis Mohamed, and Mohd Na'eim Ajis, and Zawiyah Md. Zain, (2019) Dilema majikan dalam isu menggaji pekerja tempatan atau pekerja asing di Malaysia: perspektif majikan. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 15 (3). pp. 136-147. ISSN 2180-2491.
- Noralai Ismail & Norhasni Zainal Abidin. (2010). Tinjauan faktor-faktor yang mempengaruhi komitmen pekerja terhadap organisasi. *Dinamika Sosial Ekonomi*, 6(1), 1-16.
- Rahmah Ismail, Nasri Bachtiar, Zulkilly Osman & Zulridah Mohd. Noor. (2003). Peranan Buruh Asing terhadap Pertumbuhan Output, Kesempatan Kerja dan Upah dalam Sektor Pembuatan di Malaysia. *Jurnal Ekonomi Malaysia* 37, (2003), 103-128.
- Sabitha Marican. 2006. Penyelidikan Sains Sosial: Pendekatan Pragmatik. Selangor: Edusystem Sdn. Bhd.

- Sidek Mohd Noah. (2002). *Reka Bentuk Penyelidikan: Falsafah, Teori dan Praktis*. Selangor Darul Ehsan: Universiti Putra Malaysia.
- Siti Rohayu Norsi'ee, Rahmah Ismail & Norlin Khalid. (2014). Impak pekerja asing terhadap upah firma perusahaan kecil sederhana sektor pembuatan di Malaysia. *Prosiding PERKEM ke-9.104-116*.
- Tan T. T., Noor N. M. & Khalidi J. R. (2020). Covid-19: We Must Protect Foreign Workers. Kuala Lumpur: Khazanah Research Institute. License: Creative Commons Attribution CC BY 3.0.
- Ungku Norulkamar Ungku Ahmad, Siti Rahmah Awang, Norhayati Zakuan, Ahmad Jusoh, Tan Sui Hong dan Halimah Mohd Yusof. (2017). Kajian Impak Kehadiran Pekerjaan Asing Terhadap Komuniti Penggerang Kota Tinggi. E- Proceeding of the Social Sciences Research, ICSSR 2017.
- Utusan online. (2003, 17/11/2003). Kerajaan Perlu Buat Kajian Nasib Pekerja Pembinaan, Utusan online. Retrieved from [http://www1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2003&dt=1117&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Forum&pg=fo\\_02.html](http://www1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2003&dt=1117&pub=Utusan_Malaysia&sec=Forum&pg=fo_02.html).
- Yusof, Z. (2006, Disember 9-10). Cabaran-cabaran di sektor binaan. In *Proceedings of Technical and Vocational Education*, Skudai, Universiti Teknologi Malaysia.
- Zikry (2012). Keburukan-Kemasukkan-Pekerja-Asing Retrieved 10/11, 2016, from <http://myforeignerassistance.blogspot.com/2012/12/keburukan-kemasukkanpekerja-asing.html>.
- Zulkifly Osman. (1998). Pekerja asing: dasar, teori dan amalan. In Abdul Ghafar Ismail & Md. Zyadi Md. Tahir (Eds.). *Makro ekonomi Malaysia: Perspektif dasar*. Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia.